PERSATUAN LINGUISTIK MALAYSIA
Bahasa Sendi Tamadun Bangsa

www.plm.org.my

JURNAL LINGUISTIK Vol. 25 (1) Mei 2021 (100 - 117)

Medan Makna 'Memperhebatkan Pembanterasan Rasuah' Dalam Ungkapan 'Malaysia Baharu' Mei 2018

[1]Mohammad Habibi Saleh, [2]Zaitul Azma Zainon Hamzah & [3]Rozita Che Rodi
[1]habibisaleh12@gmail.com, [2]azmahamzah@gmail.com, [3]ita_cherodi@upm.edu.my

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia

Tarikh terima : 28 April 2021
Received
Terima untuk diterbitkan : 19 Mei 2021
Accepted
Tarikh terbit dalam talian : 30 Mei 2021
Published online

Abstrak

Medan semantik atau kadang-kadang disebut medan leksikal adalah kumpulan kata-kata yang mempunyai hubungan pertalian menerusi maksud yang sama, atau melalui hubungan yang lebih abstrak. Dalam kajian ini, pengkaji menyenaraikan dua objektif kajian, iaitu mengenal pasti medan makna 'Memperhebatkan Pembanterasan Rasuah' yang membentuk tema 'Membina ketamadunan berperadaban tinggi' dalam ungkapan "Malaysia Baharu" 2018, dan menganalisis leksikal yang membentuk medan makna ''Memperhebatkan Pembanterasan Rasuah' dalam ungkapan "Malaysia Baharu" 2018 menggunakan teori medan makna Trier (1931). Kajian berbentuk kualitatif ini dijalankan menggunakan kaedah analisis teks untuk menganalisis medan makna 'Memperhebatkan Pembanterasan Rasuah' berdasarkan teks ucapan dan laporan akhbar yang ada kaitannya dari aspek konsep "Malaysia Baharu" 2018. Data kajian yang dipilih menggunakan teknik persampelan bertujuan dianalisis menggunakan teori Medan Makna Trier (1931). Hasil kajian mendapat usaha kerajaan PH untuk membanteraskan gejala rasuah terpancar dalam medan makna KK1 Gerakan Antirasuah, KK2 Polisi Hadiah dan KK3 Penakrifan. Dapatan kajian ini juga mendapati teori medan makna Trier (1931) dapat memperlihatkan hubungan leksikal yang terhasil dalam setiap kata kunci yang mengelilingi KF2 Memperhebatkan Pembanterasan Rasuah untuk konsep "Malaysia Baharu" 2018.

Kata kunci : Medan Makna, Malaysia Baharu, Banteras Rasuah, Laporan Akhbar

Semantic Field 'Intensifying Corruption Eradication' In The Expression of 'New Malaysia' May 2018

Abstract

A semantic field or sometimes called a lexical field is a group of words that have a relational relationship through the same meaning, or through a more abstract relationship. In this study, the researcher lists two objectives of the study, namely to identify the meaning field 'Intensify Corruption Eradication' which forms the theme 'Building a highly civilized civilization' in the expression "New Malaysia" 2018, and analyze the lexical that forms the meaning field " Intensify Corruption Eradication " in the expression "New Malaysia" 2018 using Trier's (1931) Semantic Field Theory. This qualitative study was conducted using text analysis method to analyze the meaning field 'Intensifying Corruption Eradication' based on speech text and newspaper reports related to the concept of "New Malaysia" 2018. Selected study data using sampling technique was analyzed using Trier's (1931) Semantic Field Theory. The results of the study obtained the PH government's efforts to eradicate the symptoms of corruption reflected in the field of meaning of KK1 Anti -Corruption Movement, KK2 Gift Policy and KK3 Definition. The findings of this study also found that Trier's (1931) Semantic Field Theory can show the resulting

lexical relationship in each keyword surrounding KF2 Intensifying Corruption Eradication for the concept of "New Malaysia" 2018.

Keywords: Semantic field, New Malaysia, Anti-Corruption, Press Report

---

1. Pengenalan

Medan semantik yang juga disebut sebagai medan makna atau medan leksikal adalah kumpulan kata-kata yang mempunyai hubungan pertalian menerusi maksud yang sama, atau melalui hubungan yang lebih abstrak. Di samping itu, perkaitan unsur leksikal yang merupakan sebahagian daripada medan makna turut menampakkan bidang kebudayaan. Arienne Lehrer (1985), mendefinisikan medan semantik sebagai "sekumpulan kata yang berkait rapat dengan makna, sering digabungkan dalam istilah umum". Sementara John Lyons (1968) menjelaskan medan semantik sebagai bidang yang anggota leksemiknya adalah bidang leksikal. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa medan semantik ialah sekumpulan kata yang maknanya saling berkaitan.

Konsep medan semantik ini diterapkan ke dalam bidang linguistik untuk menggambarkan hubungan antara kata-kata yang berbeza. Secara beransur-ansur, konsep medan semantik berubah menjadi pendekatan linguistik baharu yang disebut konsep medan makna, (Chunming Gao & Bin Xu, 2013). Sebenarnya, kajian berkaitan medan semantik terhasil daripada idea pengasas pertama linguistik umum, iaitu W. Humbodt, seorang ahli bahasa Jerman yang terkenal pada pertengahan abad ke-19. Walau bagaimanapun, ahli bahasa yang mengemukakan idea untuk teori medan semantik adalah daripada beberapa ahli bahasa strukturalisme Jerman dan Swiss seperti lpsen (1924); Trier (1934); Jolls (1934) dan Porzig (1934). Di antara semua ahli bahasa yang cemerlang ini, idea J. Trier (1937) diterima secara meluas apabila idea Trier (1934) ini telah membawa semantik ke tahap yang baharu.

Di samping itu, medan semantik juga disebut medan atau domain leksikal, yang merujuk kepada gabungan sekumpulan kata dengan makna yang saling berkaitan dan didominasi di bawah konsep yang sama, (Zhou, 2001). Dengan kata lain, beberapa perkataan daripada bahasa yang didominasi di bawah satu konsep tertentu telah digabungkan lalu membentuk medan semantik. Konsep tertentu ini mungkin diwakili oleh superordinat, yang terbentuk daripada hiponim atau kata-kata yang memiliki ciri semantik. Contohnya, di bawah konsep media cetak, perkataan seperti akhbar, majalah, buletin, jurnal, dan lain-lain dapat dikategorikan untuk membentuk medan semantik. Begitu juga halnya dalam konsep atau ungkapan “Malaysia Baharu”, komponen makna yang membentuk medan makna adalah terdiri daripada komponen [+negara], [+memulakan semula], [+membaiki], [+mengulangi], dan [+menggantikan].

Ungkapan ‘Malaysia Baharu’

Ungkapan atau konsep ‘Malaysia Baharu” lebih merupakan satu slogan yang diperkenalkan sejurus parti Pakatan Harapan (seterusnya dikenali sebagai PH) yang diterajui oleh Tun Dr. Mahathir telah berjaya dalam Pilihan Raya Umum Malaysia ke-14 (PRU-14), setelah mendapat mandat dan kepercayaan rakyat untuk mentadbir negara ke arah yang lebih baik. Pendek kata ungkapan “Malaysia Baharu” adalah ungkapan yang menjelaskan bahawa ‘Malaysia Baharu’ pasca Pilihan Raya Umum ke-14 berlaku apabila terjadi peralihan tampuk pemerintahan negara daripada sebuah orde lama yang telah berkuasa selama 61 tahun kepada satu nafas baharu dalam era kepemimpinan dan kepentadbiran negara apabila buat pertama kalinya muncul sebuah kerajaan yang diberi mandat oleh rakyat untuk memegang amanah dalam menjalankan pentadbiran kerajaan dengan efisien, tulus, dinamik serta menyantuni rakyat. Kekuatan kerajaan yang baharu ini adalah hasil garapan di bawah satu pasukan yang berlatarbelakangkan kebijaksanaan dan pedoman “yang berpengalaman” serta “semangat orang muda” yang membara dan energetik di arus perjuangan.

Sehubungan dengan itu, dalam kajian ini, slogan “Malaysia Baharu” dirujuk sebagai suatu ungkapan berbentuk konsep yang mempengaruhi fikiran konsepsi masyarakat selepas PH diberi mandat untuk menubuhkan kerajaan melalui PRU ke-14. Perubahan yang besar dalam tampuk pemerintahan negara

ini telah menjadikan kerajaan Malaysia kini mempunyai sebuah pentadbiran yang membawa angin perubahan apabila peraturan-peraturan semasa pentadbiran kerajaan yang lalu telah digantikan. Dengan kata lain, dalam tempoh 61 tahun, kepercayaan rakyat terhadap kerajaan terdahulu telah berubah apabila rakyat telah membuat satu keputusan yang besar dengan memilih sebuah kerajaan yang baharu, iaitu PH untuk meggantikan kerajaan Barisan Nasional. Kekuatan kerajaan baharu ini merupakan perjuangan anak muda yang menginginkan perubahan dalam pentadbiran negara ke arah yang lebih telus, keterampilan dan prihatin dalam pentadbiran negara.

Selain itu, konsep "Malaysia Baharu" juga membawa erti suatu 'dasar pembaharuan' atau lebih mudah diertikan sebagai 'pertukaran' atau 'peralihan'. Sejajar dengan itu, kata 'pembaharuan' berdasarkan ungkapan "Malaysia Baharu" ini terbabagi kepada beberapa maksud, iaitu memulihkan, melakukan kembali, menjalankan semula dan pertukaran. Pendek kata, ungkapan "Malaysia Baharu" adalah usaha memulihkan semula negara ke arah yang lebih cemerlang, dan mempunyai matlamat yang lebih jelas untuk berjaya dalam proses membangunkan peradaban dan ketamadunan yang tinggi serta menukarkan peraturan-peraturan yang lapuk kepada dasar-dasar yang baharu. Usaha ini adalah untuk memastikan impian dan cita-cita untuk melihat Malaysia kembali menjadi sebuah negara yang dihormati akan tercapai.

Fokus 'Malaysia Baharu'

Ungkapan "Malaysia Baharu" yang berkisarkan untuk negara kembali mengorak langkah ke arah sebuah negara yang lebih kondusif dan berwawasan telah menggariskan tujuh fokus utama dalam ungkapan "Malaysia Baharu", iaitu Kabinet, Memperhebatkan Pembanterasan Rasuah, Kebebasan Media, Mesra Perniagaan, Ekonomi, Undang-undang dan Kemakmuran Bersama Keamanan Sejagat.. Ketujuh-tujuh fokus utama ini turut dinamai sebagai kata fokus (KF) berdasarkan teori medan makna Trier, (1933).

Namun dalan makalah ini, pengkaji hanya memfokuskan kajian pada KF2 Memperhebatkan Pembanterasan Rasuah. KF2 Memperhebatkan Pembanterasan Rasuah telah menggariskan tiga kata kunci (Kk), iaitu Kk1 Gerakan Antirasuah, Kk2 Polisi Hadiah, dan Kk3 Penakrifan. Kk1 Gerakan Antirasuah merujuk kepada usaha untuk memastikan tiada mana-mana anggota kabinet terlibat langsung dalam rasuah, manakala syarat-syarat untuk Kk2 Polisi Hadiah adalah dirujuk kepada kesemua pihak yang berada di dalam pentadbiran kerajaan tidak boleh menerima hadiah melainkan pemberian hadiah tersebut tidak melibatkan barangan yang mewah. Seterusnya syarat untuk Kk3 Penakrifan pula menjelaskan kelakuan-kelakuan yang boleh membawa maksud menerima atau mengambil sogokkan akan dikemas kini syarat untuk membolehkan penerima dan pemberi diberi hukuman yang sama dengan undang-undang yang sedia ada.

Permasalahan kajian.

Hasil sorotan terhadap kajian-kajian terdahulu, didapati kajian ini mempunyai kelainan dari aspek data kajian tentang medan makna "Malaysia Baharu" yang digunakan. Hal ini demikian kerana ungkapan "Malaysia Baharu" yang diperkenalkan pada tahun 2018 belum lagi dikaji dari sudut medan makna. Tambahan pula fokus "Malaysia Baharu" ini diperkenalkan oleh kerajaan PH yang memegang tampuk pemerintahan dalam usia yang agak singkat. Justeru, fokus tema 'Malaysia Baharu' yang berusaha untuk membaiki apa-apa yang telah rosak di negara ini (Petikan 1), komited kerajaan untuk memastikan setiap daripada rakyat Malaysia akan menikmati kemakmuran dan kekayaan negara dengan perkongsian dan pembahagian yang saksama (Petikan 2) dan menjunjung prinsip-prinsip keadilan, mempunyai tadbir urus yang baik dan berintegriti serta menyanjung tinggi konsep kedaulatan undang-undang (Petikan 3) masih kurang dikaji. Sedangkan pengkaji berpendapat perkara ini perlu dikaji demi kemakmuran negara Malaysia dan rakyatnya bagi memenuhi konsep 'Malaysia Baharu' dalam membina ketamadunan berperadaban tinggi demi kesejahteraan masyarakat.

Selain itu, terdapat beberapa kajian terdahulu (Norfarhana Ahmad Ghafar et al. (2016); Kanji Bu, Irwan & Mulyadi (2017); Norfarhana Abdul Ghafar & Munjid Mustafa Bahjat (2017) dan Mad Taib Pa (2016) yang telah memberikan fokus mengkaji dan menganalisis penggunaan leksikal tertentu dalam kajian

medan makna bagi melihat penggunaan makna leksikal dalam konteks bahasa dan masyarakat, namun kajian tentang konsep 'Malaysia Baharu' dalam kalangan sarjana belum dikaji secara ilmiah dan meluas. Atas pengamatan dan penelitian pengkaji terhadap konsep 'Malaysia Baharu' dari sudut medan makna, pengkaji berpendapat kajian medan makna terhadap konsep 'Malaysia Baharu' ini wajar dijalankan secara ilmiah dan serius kerana kajian ini dapat menyumbang terhadap pembangunan sesebuah negara. Selain itu, pengkaji yakin bahawa kajian ini mampu mendatangkan pelbagai manfaat terhadap kelangsungan kajian medan makna pada masa akan datang.

Objektif kajian

Dalam makalah ini, pengkaji menyenaraikan dua objektif utama, iaitu mengenal pasti medan makna 'Memperhebatkan Pembanterasan Rasuah' yang membentuk tema 'Membina ketamadunan berperadaban tinggi' dalam ungkapan "Malaysia Baharu" 2018 dan menganalisis leksikal yang membentuk medan makna 'Memperhebatkan Pembanterasan Rasuah' dalam ungkapan "Malaysia Baharu" 2018 menggunakan teori medan makna Trier (1931).

Berdasarkan objekti kajian, terdapat tiga persoalan utama, iaitu:

i. Apakah leksikal yang membentuk medan makna 'Memperhebatkan Pembanterasan Rasuah' dalam konsep "Malaysia Baharu" 2018?
ii. Bagaimanakah leksikal yang membentuk medan makna 'Memperhebatkan Pembanterasan Rasuah' dalam ungkapan "Malaysia baharu" dianalisis menggunakan teori medan makna Trier, (1931)?

Batasan kajian

Kajian ini dibatas pada 1 teks ucapan Perdana Menteri Malaysia ke-7 dan 20 laporan akhbar berkaitan ungkapan "Malaysia Baharu" 2018. Berdasarkan teks ucapan dan laporan akhbar, pengkaji membataskan fokus kajian pada KF2 Memperhebatkan Pembanterasan Rasuah dalam ungkapan 'Malaysia Baharu' untuk memenuhi tema 'Membina ketamadunan berperadaban tinggi' demi kesejahteraan masyarakat dengan berdasarkan Petikan 1, Petikan 2 dan Petikan 3 dalam Fokus Malaysia Baharu (2018) yang berikut:

Petikan 1	"Malaysia Baharu" adalah hasil daripada usaha untuk membaiki apa-apa yang telah rosak di negara ini dan untuk mengulangi lagi kejayaan dan pencapaian negara yang membanggakan yang pernah dicapai sebelum ini (Fokus Malaysia Baharu, 2018)
Petikan 2	Dalam Malaysia Baharu ini, kerajaan komited untuk memastikan setiap daripada rakyat Malaysia akan menikmati kemakmuran dan kekayaan negara dengan perkongsian dan pembahagian yang saksama (Fokus Malaysia Baharu, 2018)
Petikan 3	"Rakyat mahukan satu Malaysia Baharu yang menjunjung prinsip-prinsip keadilan, yang mempunyai tadbir urus yang baik dan berintegriti serta menyanjung tinggi konsep kedaulatan undang-undang", (Fokus Malaysia Baharu, 2018)

2. Sorotan Kajian

Kajian tentang medan makna telah dijalankan oleh Norfarhana Ahmad Ghafar, Hishomudin Ahmad, Norzulaili Mohd. Ghazali, Robiatul Adawiyah Mohd & Nik Farhan Mustapa (2016) dengan memberikan fokus kepada kajian teori medan makna dalam kalangan sarjana-sarjana Islam. Dapatan kajian Norfarhana Ahmad Ghafar et al. (2016) telah membuktikan bahawa sarjana Islam telah mempelopori teori ini lebih awal daripada sarjana barat. Malah, dapatan Norfarhana Ahmad Ghafar et al. (2016) menunjukkan bahawa keterlibatan sarjana Islam dalam teori medan makna adalah lebih luas penggunaannya. Perkembangan teori medan makna dalam kalangan sarjana Islam dapat dibahagikan kepada empat fasa utama, iaitu pengkajian persuratan, pengkajian kamus berdasarkan tema-tema tertentu, kajian persejarahan dan aplikasi teori dalam kajian al-Quran dan Hadis. Teori medan makna

dalam kajian Norfarhana Ahmad Ghafar et al. (2016) ini dikatakan telah mula diaplikasikan pada teks al-Quran dan Hadis untuk meningkatkan kefahaman terhadap kedua-dua sumber tersebut. Kesimpulannya kajian Norfarhana Ahmad Ghafar et al. (2016) ini menjelaskan bahawa sarjana Islam mempunyai sumbangan besar dalam memperkembangkan teori medan makna ini.

Kajian seterusnya oleh Kanji Bu, Irwan & Mulyadi (2017) yang bertajuk, "Analisis Medan Makna Seni Bela Diri Khas Jepun dalam Huruf" telah menemukan dapatan kajian bahawa kata atau leksem yang berperanan sebagai sub-medan makna dan daripada huruf tersebut dapat dibahagikan kepada dua, iaitu kata bujutsu dan budo. Daripada kedua-dua sub-medan ini ditemui 19 kata yang mempunyai persamaan komponen makna asasnya sehingga dapat dikelaskan sebahagian dalam medan makna seni pertahanan diri khas Jepun yang mengandungi makna huruf kanji bu. Persamaan komponen makna menerapkan filosofi bu dalam keseluruhan kata yang menunjukkan kesalinghubungan dalam satu medan makna yang disebut dengan medan makna huruf kanji bu.

Seterusnya Norfarhana Abdul Ghafar & Munjid Mustafa Bahjat (2017), telah menjalankan kajian yang bertajuk, "Teks Prosa Zarzuriyyat IBN Fakhaar : Analisis Korpus Bertema berdasarkan Teori Medan Makna". Dapatan kajian Norfarhana Abdul Ghafar & Munjid Mustafa Bahjat (2017), telah membuktikan bahawa teks prosa terbahagi kepada dua tema, iaitu manusia dermawan dan burung Zurzuur yang menunjukkan saling kaitan melalui aspek antonim. Selain itu, kajian Norfarhana Abdul Ghafar & Munjid Mustafa Bahjat (2017) telah memerihalkan perwatakan IBN Fakhaar yang merupakan seorang manusia dermawan menggunakan hubungan antara satu perkataan sahaja iaitu, meronim. Manakala, watak Zurzuur iaitu burung, sebanyak lima hubungan antara perkataan yang dibentuk, iaitu polisemi, hipernim, hiponim, hiponim dan meronim.

Mad Taib Pa (2016) dalam kajian yang bertajuk, "Konsep Makna dan Jenisnya" telah menghuraikan penggunaan teori medan makna oleh beberapa sarjana barat dan sarjana Arab. Namun, teori ini telah tersebar dengan meluas dan mudah didapati melalui pengkajian serta terdapat di dalam pengucapan. Hasil kajian menunjukkan teori ini Berjaya menghuraikan idea serta pendapat tentang makna yang mempunyai hubungan sebagai komponen makna secara langsung sebagaimana yang terdapat di dalam ucapan serta teks.

Seterusnya Isnariah Idris (2017) telah menjalankan kajian yang bertajuk, "Medan Semantik Hati Budi Melayu Berdasarkan Warkah Melayu Lama" untuk menghuraikan perakuan sifat dan nilai orang Melayu, khususnya manuskrip lama. Analisis medan semantik menggunakan 18 warkah Melayu lama abad ke-19 dengan model analisis yang dipelopori oleh Toshihiko Izutsu (1964) dan Syed Muhammad Naguib al-Attas (1970). Dapatan kajian Isnariah Idris (2017) membuktikan bahawa sebanyak 57 ungkapan berteraskan hati budi Melayu terkandung dalam warkah kajian. Ungkapan ini dikelaskan kepada lima pusat penumpuan makna dan 73 kata kunci berserta makna asasnya yang diinterprestasikan menerusi setiap ungkapan dalam kata fokus tersebut. Kata kunci menunjukkan kesalingberangkaian makna dan dapat menggambarkan konsep sebenar amalan, nilai kehidupan dan kepercayaan masyarakat. Aplikasian terhadap analisis medan semantik semua ungkapan hati budi Melayu yang dikenal pasti telah dapat memberikan gambaran sebenar akan keperibadian raja dan pembesar Melayu abad ke-19 yang bukan sahaja bersikap 'tulus' ketika melaksanakan sesuatu, malah bijak merencanakan dengan tidak meminggirkan amalan 'muafakat' dan 'tanggungjawab ' sebagaimana syariat Islam.

Kajian berkaitan Teks Ucapan

Kajian berkaitan teks ucapan telah dijalankan oleh Syakirah Abdul Rahman (2016) yang bertajuk "Prosidi Perkhidmatan Amanat Ketua Setiausaha Negara". Dengan menggunakan teks ucapan Ketua Setiausaha Negara sebagai bahan kajian, Syakirah Abdul Rahman (2016) mendapati bahawa sebab utama perkataan 'perkhidmatan' dimasukkan adalah untuk menjelaskan kepada kakitangan kerajaan supaya menjalankan kerja dengan berwawasan berdasarkan ungkapan "merakyatkan perkhidmatan awam". Dengan demikian, ungkapan tersebut dapat membantu penjawat awam memahami matlamat utama ia dijelaskan.

Nurul Hamiza Noozari (2012) dalam kajian yang bertajuk "Kajian Teks Sifat Beradab dari Perspektif Pendidikan Menurut Al-Imam Al-Nawawi dalam Kitab Riyat Al- Salihin" telah mendapati kitab adab mempunyai tujuh belas kaedah yang terdiri daripada kaedah pembelajaran dan pengajaran. Kajian Nurul Hamiza Noozari (2012) ini juga telah mengemukakan beberapa kaedah adab dalam pendidikan, mukmin soleh beradab, serta sifat beradap dalam kaedah pendidikan beradab. Oleh itu, modul ini sangatlah berperanan untuk memahami serta menghayati tentang adab dalam pendidikan.

Seterusnya, Monaliza Sabrini Zin & Muhamad Nurikhwan Lokman (2019) dalam kajian bertajuk, "Pelanggaran Maksim Kerjasama Dalam Ucapan Dato'seri Najib Razak: Sebuah Kajian Pragmatik" telah meneliti implikatur yang terdapat dalam ucapan politik. Hasil kajian Monaliza Sabrini Zin & Muhamad Nurikhwan Lokman (2019) telah mendapati bahawa setiap ucapan politik yang disampaikan oleh seseorang pemimpin tidak semestinya terbatas kepada maksud literal yang mungkin menyukarkan rakyat marhean untuk memahami maksud sebenar. Sementara itu, Wong Shia Ho (2014) dalam kajian yang bertajuk, "Makna Penutur Dalam Ayat Teks Ucapan Tunku Abdul Rahman Satu Analisis Teori Relevans" telah mendapati bahawa makna implisit ini mudah diperoleh pendengar kerana banyak bukti yang melatarinya. Bukti-bukti ini bukan sahaja dapat dikesan daripada ujaran yang wujud selepasnya, malahan konteks persekitaran dan pengetahuan sedia ada turut memperkukuhkan kesemua andaian yang dikemukakan sebagai andaian yang paling releven. Wong Shia Ho (2014) juga mendapati bahawa ayat yang digunakan dalam ucapan Tunku tidak semestinya berfungsi sebagaimana yang dinyatakan dalam rumus tatabahasa.

Rumusannya daripada beberapa kajian berkaitan medan makna yang disorot, didapati belum tedapat satu kajian yang jelas mengkaji 'Malaysia Baharu' dari sudut medan makna. Justeru pengkaji mengisi ruang ini untuk mengkaji medan makna 'Memperhebatkan Pembanterasan Rasuah' dalam konsep "Malaysia Baharu" 2018 menggunakan teori medan makna Trier (1931).

3. Metodologi

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah Analisis Teks untuk menghuraikan data atau bahan teks yang dikaji. Krippendorff (2004), menjelaskan kaedah analisis teks hendaklah menelaah bahan kajian secara mendalam dan kaedah ini juga membabitkan penginterprestasian bahan yang dikaji. Kajian ini menggunakan satu (1) Teks ucapan iaitu "Menyelami hasrat kerajaan Malaysia Baharu", Oktober 2018 oleh Perdana Menteri Malaysia ke-7, iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad dan 20 laporan akhbar yang berkaitan dengan konsep "Malaysia Baharu" dengan syarat bahan tersebut tidak menyentuh isu sensitif yang boleh menimbulkan sentimen politik.

Prosedur kajian

Dalam kajian ini, beberapa prosedur dipatuhi pengkaji iaitu pengkaji membaca setiap halaman teks ucapan dan laporan akhbar yang dijadikan bahan kajan untuk mengenal pasti dan memperoleh leksikal yang relevan dengan tema, kata fokus (KF), kata kunci (KK) dan kata kunci kedua (Kk) dalam ungkapan 'Malaysia Baharu'. Setiap leksikal yang dikenal pasti itu kemudianya diteliti komponen maknanya berdasarkan maksud dalam kamus dan seterusnya dianalisis menggunakan teori medan makna Trier (1931). Data kajian tentang medan makna 'Malaysia Baharu' dianalisis secara deskriptif berdasarkan objektif kajian.

Kerangka Teori Medan Makna Trier (1931)


Teori Medan Makna diperkenalkan oleh Jost Trier pada tahun 1931. Trier berpendapat bahawa kata-kata memperoleh makna melalui hubungannya dengan kata-kata lain dalam bidang perkataan yang sama. Tegasnya, teori medan makna Trier (1931) menjelaskan bahawa perbendaharaan kata sesuatu bahasa tersusun secara berlapis-lapis dalam bentuk strata yang banyak. Perbendaharaan kata ini adalah berkaitan dan berhubungan secara konsepsi antara satu sama lain. Dengan kata lain, leksikal yang maknanya saling berhubungan disebabkan kehadiran masing-masing dalam konteks yang serupa menggambarkan hubungan paradigmatik, manakala pertalian yang wujud kerana leksikal itu berada

dalam lingkungan yang sama dan leksikal-leksikal itu boleh digunakan untuk menjelaskan maksud atau pengertian sesuatu perkataan yang lain secara kolokasi menggambarkan hubungan sintagmatik.

4. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Dapatan kajian mendapati medan makna KF2 'Memperhebatkan Pembanterasan Rasuah' yang membentuk tema 'Membina ketamadunan berperadaban tinggi' dalam ungkapan "Malaysia Baharu" 2018 terbentuk daripada tiga kata kunci iaitu KK1 Gerakan Anti Rasuah, KK2 Polisi Hadiah dan KK3 Penakrifan seperti yang tergambar dalam Rajah 1 yang berikut:

KF2 Memperhebat Pembanterasan Rasuah



Rajah 1: Medan Makna untuk Memperhebat Pembanterasan Rasuah

(Sumber : Teks Ucapan dalam Malaysia Baharu, 2018 dan Laporan Akhbar)

Rajah 1 menunjukkan leksikal yang membentuk kata kunci untuk KF2 Memperhebat Pembanterasan Rasuah. Terdapat tiga (3) leksikal yang terbentuk iaitu KK1 Gerakan Anti Rasuah, KK2 Polisi Hadiah dan KK3 Penakrifan. Hal ini dengan jelas menunjukkan bahawa setiap perbendaharaan kata yang membentuk KK1 Gerakan Anti Rasuah, KK2 Polisi Hadiah dan KK3 Penakrifan itu secara semantik telah membina sistem leksikal yang lengkap untuk membentuk medan makna (Wu, 1988) bagi KF2 Memperhebat Pembanterasan Rasuah.

Dalam medan makna ungkapan "Malaysia Baharu", pentadbiran kerajaan PH telah meletakkan leksikal 'KF2 Memperhebat Pembanterasan Rasuah' sebagai salah satu kata fokus utama (KF) dalam gagasan tersebut. Menurut laporan akhbar (Berita Harian, 17 Februari 2020), leksikal 'KF2 Memperhebat Pembanterasan Rasuah' menyuratkan dan memastikan dasar kerajaan tidak disabotaj oleh mereka yang menyalahgunakan kuasa dan menerima rasuah, justeru kerajaan meletakkan usaha membanteras rasuah sebagai salah satu KF utama dalam ungkapan "Malaysia Baharu". Dengan kata lain, leksikal yang membentuk 'KF2 Memperhebat Pembanterasan Rasuah' merupakan susunan khas daripada domain yang menyerlah konsep leksikal dalam ungkapan "Malaysia Baharu". Domain semantik bagi 'KF2 Memperhebat Pembanterasan Rasuah' ini adalah berasaskan pengetahuan makna yang melatari konsep leksikal "Malaysia Baharu", iaitu merangkumi bentuk, aktiviti, dan bahan fizikal dalam kitaran hidup masyarakat, (Clausner & Croft, 1999).

Sehubungan dengan itu, leksikal 'KF2 Memperhebat Pembanterasan Rasuah' menjadi keutamaan dalam agenda kerajaan untuk membendung kebocoran maklumat sulit kerajaan kepada pihak yang tidak bertanggungjawab. Oleh itu, pembanterasan rasuah menjadi KF2 kepada medan makna "Malaysia Baharu" ini.

Medan Makna 'KF2 Memperhebat Pembanterasan Rasuah' Dalam Ungkapan "Malaysia Baharu" 2018.

Dalam medan makna KF2 Memperhebatkan pembanterasan rasuah terbentuk tiga kata kunci, iaitu KK1 Gerakan Antirasuah, KK2 Polisi Hadiah, dan KK3 Penakrifan. Untuk menganalisis makna leksikal yang membentuk medan makna 'KF2 Memperhebat Pembanterasan Rasuah' dalam ungkapan "Malaysia Baharu", pengkaji turut menggunakan pendapat beberapa orang sarjana iaitu, J. Trier (1934), Mei (1987), Lyons (1985) dan Ferdinand de Saussure (1974) sebagai pengukuhan kepada landasan teori medan makna Trier (1931).

KK 1 : Gerakan Antirasuah

KK1 Gerakan Antirasuah, memperlihatkan beberapa leksikal yang diorganisasi dengan jelas dalam medan semantiknya. Leksikal-leksikal tersebut disusun rapi bagi memperlihatkan makna kata yang sama dan saling berhubungan dengan usaha dalam KK1 Gerakan Antirasuah. Berdasarkan laporan akhbar dalam Jadual 1, beberapa kata kunci yang telah membentuk KK1 Gerakan Antirasuah ialah Kk1 Meneruskan Gerakan, Kk2 Kes rasuah sejak kerajaan terdahulu, Kk3 Membentuk budaya berteraskan governans dan integriti, Kk4 Membersihkan pentadbiran yang korup dan Kk5 Usaha mendapat kesan positif dan keyakinan pihak antarabangsa.

Jadual 1: Kata Kunci (KK1) Gerakan Antirasuah

KK1 Kk1	:	"Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan Pakatan Harapan (PH) **akan meneruskan agenda** membanteras rasuah walaupun sokongan terhadap kerajaan dan dirinya sendiri merosot". (BERNAMA. 30 April 2019)
KK1 Kk2	:	"Kes rasuah yang dilaporkan bagaimanapun **bukan berlaku semasa kerajaan baharu sebaliknya kerajaan terdahulu**". (Zainudin Isa, Berita Harian, 22 Januari 2019).
KK1 Kk3	:	"Usaha ini tidak boleh dicapai dengan mudah dan cepat, tetapi ia harus dimulakan dengan meletakkan asas-asas dasar yang akan **membentuk budaya dan sistem yang berteraskan governans dan intergriti**". (Pmo, 10 Jun 2019).
KK1 Kk4	:	"Bagaimanapun, **jentera kerajaan perlu dibersihkan terlebih dahulu** daripada rasuah. Sebab, semua orang tahu apabila orang atasan (dalam kerajaan) terbabit rasuah, yang lain akan ikut". (Fahmy Azril Rosli, Nstp, 30 Oktober 2018).
KK1 Kk5	:	**"Usaha kerajaan** dalam meningkatkan integriti dan memerangi rasuah di Malaysia sejak Jun lalu **sudah mendapat kesan positif termasuk keyakinan pihak antarabangsa** seperti UNODC, Bank Dunia dan Tabnung Kewangan Antarabangsa (IMF)". (Irwan Shafrizan Ismail, Berita Harian, 21 Disember 2018).

(Sumber : Teks Ucapan dalam Malaysia Baharu, 2018 dan Laporan Akhbar)

KK1 Kk1 Meneruskan gerakan membanteras rasuah'

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata "kerajaan PH akan meneruskan agenda membanteras rasuah walaupun sokongan terhadap kerajaan dan dirinya sendiri merosot", (BERNAMA, 30 April 2019). Tambahan pula, tindakan membanteras dan memerangi rasuah bukanlah tanggungjawab eksekutif SPRM semata-mata, tetapi sebaliknya ianya merupakan amanah dan tugas yang perlu dikongsi oleh seluruh ahli masyarakat, khususnya kerajaan bagi memastikan negara ini bebas daripada sebarang gejala rasuah dan salah guna kuasa. Hal ini dijelaskan dalam laporan akhbar yang berikut :

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata "kerajaan Pakatan Harapan (PH) akan **meneruskan agenda membanteras rasuah** walaupun sokongan terhadap kerajaan dan dirinya sendiri merosot", (BERNAMA, 30 April 2019).

Kumpulan leksikal '**meneruskan agenda membanteras rasuah**' saling berkaitan maknanya dalam sistem leksikal yang bersepadu dari segi semantiknya, (Wu, 1988) untuk menunjukkan usaha kerajaan dalam gerakan antirasuah. Ferdinand de Saussure (1974) menyatakan bahawa teori medan makna menganggap bahawa leksem yang berkaitan secara semantik, sama ada secara sintagmatik atau paradigmatik dalam sistem bahasa tertentu tergolong dalam bidang semantik.

Sehubungan dengan itu, kumpulan leksikal **'meneruskan agenda membanteras rasuah' (Kk1)** secara sintagmatik menjelaskan bahawa kerajaan PH memberi kenyakinan tentang pendirian untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang sifar dari segi rasuah dengan memastikan peningkatan dalam integriti dan tadbir urus yang cekap dalam kalangan penjawat awam di negara ini. Selain itu, kerajaan PH juga akan mewujudkan aturan pemerintahan yang lebih telus, adil serta bersih daripada segala 'kekotoran' dalam pemerintahan dengan cara pencegahan daripada salah guna kuasa, ketirisan dan penyelewengan dana kerajaan untuk menjamin kelangsungan negara dan kebajikan rakyat, (PH komited banteras rasuah walaupun sokongan merosot - Bernama, 30 April 2019)

KK1 Kk2 Kes rasuah sejak kerajaan terdahulu

KK1 "Gerakan Antirasuah" juga menunjukkan leksikal tingkatkan integriti kerana 'Kes rasuah sejak kerajaan terdahulu (Kk2). Oleh itu perlu diperangi rasuah. Hal ini telah dilaporkan dalam laporan berita yang berikut:

> "Kes rasuah yang dilaporkan bagaimanapun bukan berlaku semasa kerajaan baharu sebaliknya kerajaan terdahulu". (Zainudin Isa, Berita Harian, 22 Januari 2019).

Di bawah pentadbiran PH, negara ini telah berjaya membentuk satu pangkalan yang memfokuskan pembasmian rasuah dan meningkatkan integriti sejajar dengan fokus PH yang mementingkan 'kebersihan' daripada salah guna kuasa dan penyelewengan di dalam pentadbiran PH. Pusat ini yang beroperasi di bawah seliaan pejabat Perdana Menteri meletakkan agenda utama untuk menyelamatkan negara ini daripada amalan rasuah daripada berterusan.

"Gerakan Antirasuah" yang terdiri daripada leksikal 'gerakan' iaitu hasil perbuatan bergerak (makna PRPM), anti yang bermaksud tidak suka terhadap (Kamus Dewan, 2015) dan rasuah yang merujuk kepada tindakan tidak jujur atau penipuan oleh mereka yang berkuasa sama ada menawarkan, memberi atau menerima apa-apa yang bernilai (Kamus Dewan, 2015) adalah keseluruhan leksikal yang diorganisasi dengan jelas dalam medan semantik (Tier, 1933; Changhong, 2010) untuk KF1 Memperhebatkan Pembanterasan Rasuah. Tegasnya, leksikal-leksikal yang membentuk KK1 "Gerakan Antirasuah" mempunyai makna yang berhubungan dan menyerupai dengan fitur medan makna KF1 'Memperhebatkan Pembanterasan Rasuah'. Melalui analisis medan makna, jelas menunjukkan bahawa kata-kata dalam sistem bahasa saling berkaitan antara satu sama lain dan kata-kata tersebut membentuk sistem leksikal yang lengkap, (Lyons, 1985).

KK1 Kk3 Membentuk budaya berteraskan governans dan integriti

Seterusnya "Gerakan Antirasuah" membentuk medan leksikal (Kk3) iaitu membentuk budaya berteraskan governans dan integriti. Pengukuhan antirasuah, governans dan integriti mempunyai matlamat dan hala tuju yang jelas untuk menjadikan Malaysia sebagai negara yang menjulang tinggi nilai integriti, antirasuah dan governans di seluruh dunia. Matlamat ini akan berhasil melalui cara yang telah ditetapkan dengan berteraskan kepada jati diri dan memegang prinsip ketelusan dalam memfokus kepada pengukuhan yang penting iaitu integriti, antirasuah dan governans. Hal ini dinyatakan dalam laporan akhbar seperti berikut :

> ("Usaha ini tidak boleh dicapai dengan mudah dan cepat, tetapi **ia harus dimulakan dengan meletakkan asas-asas dasar yang akan membentuk budaya dan sistem yang berteraskan governans dan intergriti**", (Pmo, 10 Jun 2019).

Daripada laporan akhbar, "ia harus dimulakan dengan meletakkan asas-asas dasar yang akan membentuk budaya dan sistem yang berteraskan governans dan intergriti" dengan jelas memperlihatkan bahawa pengukuhan yang penting ialah integriti, antirasuah dan governans sebagai usaha mengatasi kekurangan serta keinginan untuk melaksanakan peraturan dan tanggungjawab dalam menjayakan KK1 Gerakan Antirasuah di dalam sesebuah agensi. Pengukuhan integriti, antirasuah dan governans ini juga dapat meningkatkan kekuatan dalam pentadbiran sekali gus dapat mengelakkan ketidakcekapan pegawai sehingga boleh memberi peluang untuk seseorang itu melakukan rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

Mengikut J. Trier (1934) dalam bidang leksikal, seluruh rangkaian konsep atau lingkungan pemikiran adalah bersambungan dalam jangka waktu yang terbatas. Justeru "Gerakan Antirasuah" melalui pengukuhan integriti, antirasuah dan governans menunjukkan sekumpulan leksikal yang merangkumi domain konseptual tertentu dan yang mempunyai hubungan tertentu (Lehrer, 1985; Nordquist, 2017) dengan F2 Memperhebatkan Pembanterasan Rasuah.

KK1 Kk4 Membersihkan pentadbiran yang korup

Dalam pada itu "Gerakan Antirasuah" menunjukkan domain konseptual yang mempunyai hubungan dengan Kk4 Membersihkan pentadbiran yang korup. Laporan akhbar oleh Fahmy Azril Rosli, Nstp, (30 Oktober 2018) dengan jelas menunjukkan bahawa korupsi bukanlah berlaku semasa pemerintahan PH namun ia berlaku semasa kerajaan terdahulu.

> "Bagaimanapun, jentera kerajaan perlu dibersihkan terlebih dahulu daripada rasuah. Sebab, semua orang tahu apabila orang atasan (dalam kerajaan) terbabit rasuah, yang lain akan ikut". (Fahmy Azril Rosli, Nstp, 30 Oktober 2018).

Teori medan semantik merupakan teori yang menganalisis hubungan antara genus dan spesies kajian leksikal, (Mei, 1987). Oleh yang demikian, selepas kejatuhan kerajaan terdahulu, maka dengan itu pentadbiran kerajaan PH telah membuat satu pembersihan secara besar besaran dalam perkhidmatan awam supaya saki baki korupsi semasa pemerintahan kerajaan terdahulu dapat dibersihkan.

KK1 Kk5 Usaha mendapat kesan positif dan keyakinan pihak antarabangsa

Seterusnya KK1 Gerakan Antirasuah menerbitkan kata kunci kelima, iaitu, Kk5 Usaha mendapat kesan positif dan keyakinan pihak antarabangsa. Usaha ini dinyatakan dalam laporan akhbar yang berikut :

> "Usaha kerajaan dalam meningkatkan integriti dan memerangi rasuah di Malaysia sejak Jun lalu sudah mendapat kesan positif termasuk keyakinan pihak antarabangsa seperti UNODC, Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)", (Irwan Shafrizan Ismail, Berita Harian, 21 Disember 2018).

Sekumpulan leksikal yang membentuk medan makna Kk5 'Usaha mendapat kesan positif dan keyakinan pihak antarabangsa' telah menyokong pendapat Nordquist (2017) yang menyatakan bahawa "kata-kata dalam bidang semantik berkongsi harta semantik dalam domain konseptual dan mempunyai hubungan dengan KF2 Memperhebatkan Pembanterasan Rasuah.

KK 2 : Polisi Hadiah

Dalam konsep 'Malaysia Baharu', 'KK2 Polisi Hadiah' seterusnya menerbitkan sekumpulan leksikal yang berkaitan dari segi semantiknya (Jost Trier, 1931) terhadap larangan menerima rasuah. Tegasnya KK2 Polisi Hadiah memperluas medan makna kepada lima kata kunci, iaitu Kk1 Jangan mengambil walaupun 'satu sen' atau 'hadiah-hadiah', Kk2 Pemberian hadiah yang setimpal - bunga, makanan dan buah, Kk3 Menolak nilai hadiah yang tidak setimpal dengan maksud hadiah itu diberi", Kk4 Hadkan

jumlah penerimaan wang- hanya boleh menerima 500 ringgit" dan Kk5 Elakkan menerima hadiah dan sebarang cenderahati, (Jadual 2). Hal ini turut disokong oleh laporan akhbar yang berikut:

Jadual 2: Kata Kunci (KK2) Polisi Hadiah

KK2 Kk 1	**:**	**"Beliau turut meminta semua jentera kerajaan menolak rasuah dengan jangan mengambil walaupun 'satu sen' atau 'hadiah-hadiah' seperti membeli rumah pada harga murah". (Bernama, 30 April 2019).**
KK2 Kk 2	:	"Sesiapa hendak bagi hadiah kepada saya, saya tidak akan terima **tapi boleh bagi bunga, makanan dan buah**, tapi tidak lebih daripada itu". (Radzi Razak, Berita benar, 14 Mei 2019).
KK2 Kk 3	:	"Selain itu hadiah boleh menjadi rasuah apabila **nilai hadiah** tidak **setimpal dengan maksud hadiah itu diberi"**. (Roshidi Abu Samah, Melakakini, 6 November 2019).
KK2 Kk 4	:	"Semua penjawat awam termasuk Menteri, Timbalan Menteri serta Setiausaha Politik kepada Menteri di Malaysia **hanya boleh menerima 500 ringgit**". (Radzi Razak, Beritabenar, 14 Mei 2019).
KK2 Kk 5	:	"Tun Dr Mahathir Mohamad **tidak akan menerima sebarang cenderahati** bagi mempertahankan polisi untuk **tidak menerima hadiah** yang dilaksanakan kerajaan Pakatan Hariapan (PH) bagi membanteras gejala rasuah daripada terus berleluasa di negara ini.," (Iwan Shu-Aswad Shuib, Mstar, 8 Jun 2018).

(Sumber : Teks Ucapan dalam Malaysia Baharu, 2018 dan Laporan Akhbar)

KK2 Kk 1 Jangan mengambil walaupun 'satu sen' atau 'hadiah-hadiah'

Berdasarkan laporan akhbar (Bernama, 30 April 2019), jelaslah bahawa, Tun Dr. Mahathir menasihati barisan jemaah menteri dan pihak pentadbiran PH agar tidak menerima sebarang pemberian hadiah melalui wang sogokan yang boleh menjejaskan imej kerajaan PH di mata masyarakat.

> "Beliau turut meminta semua jentera kerajaan menolak rasuah dengan jangan mengambil walaupun 'satu sen' atau 'hadiah-hadiah' seperti membeli rumah pada harga murah", (Bernama, 30 April 2019).

Leksikal 'kerajaan menolak rasuah' mempunyai hubungan secara sintagmatik dengan 'jangan mengambil walaupun 'satu sen' atau 'hadiah-hadiah' kerana hadirnya bersama-sama dengan unit-unit leksikal yang serupa dengan larangan menerima rasuah, (Trier, 1931) Selain itu, kerajaan PH juga menegaskan bahawa jentera kerajaan haruslah mengelak daripada membeli atau menerima hadiah yang di bawah harga pasaran seperti rumah, kereta dan lain-lain. Hal ini dengan jelas membuktikan bahawa kerajaan PH amat mementingkan kredibiliti seseorang yang amanah, jujur dan bertanggungjawab.

KK2 Kk2 Pemberian hadiah yang setimpal - bunga, makanan dan buah

Kk2 menunjukkan leksikal pemberian hadiah yang setimpal di bawah KK2 Polisi Hadiah. Leksikal pemberian hadiah yang setimpal mempunyai hubungan paradigmatik dengan KK2 Polisi Hadiah apabila unit linguistik menjadi berhubungan melalui penggantian dalam satu lingkungan tertentu yang meliputi domain konsep dan berhubungan secara spesifik antara satu sama lain secara semantiknya, (Lehrer, 1985). Hal dilaporkan oleh Roshidi Abu Samah, (2019) seperti berikut:

> "Selain itu hadiah boleh menjadi rasuah apabila nilai hadiah tidak setimpal dengan maksud hadiah itu diberi", (Roshidi Abu Samah, Melakakini, 6 November 2019).

Sebenarnya, fahaman pemberian sesuatu amat luas maksudnya. Pemberian sesuatu meliputi barangan kemas, hartanah, kenderaan, tiket percutian, kemudahan penerbangan, rakan niaga, wang ringgit,

keahlian sesuatu kelab, cenderahati, perlatan rumah atau maksud-maksud yang lain yang harganya bernilai untuk diterima oleh seseorang penjawat awam. Justeru, pemberian atau penerimaan sesuatu barangan boleh menjadi rasuah apabila nilai hadiah tidak setimpal dengan maksud hadiah itu diberikan. Dalam hal ini, hadiah yang diterima oleh seseorang pegawai kerajaan haruslah setimpal dengan apa-apa yang dimaksudkan ketika mereka menjalankan tugas rasmi kerajaan. Tegasnya, pemberian sesuatu hadiah perlulah dilihat dari aspek keperluan sesorang pegawai kerajaan untk menerima pemberian hadiah itu.

Dalam KK2 'Polisi Hadiah' dan Kk2 'Pemberian hadiah yang setimpal - bunga, makanan dan buah' jelas menunjukkan sekumpulan leksikal yang membentuk medan makna dan menandakan segmen realiti yang dilambangkan oleh satu set perkataan yang saling berkaitan dengan KF1 Memperhebatkan Pembanterasan Rasuah. Kata-kata dalam medan semantik berkongsi ciri semantik yang umum, dan seluruh rangkaian konsep atau lingkungan pemikiran adalah bersambungan dalam jangka waktu yang terbatas, (J. Trier, 1931).

Oleh itu, laporan akhbar di atas dengan jelas menunjukkan bahawa hadiah juga boleh menjadi rasuah jika nilai hadiah itu tidak setimpal dengan tanggungjawab seseorang pegawai kerajaan untuk menerimanya. Selain itu, pemberian hadiah yang keterlaluan juga akan menyebabkan pemberi hadiah menginginkan sesuatu sebagai timbal balik atas apa-apa yang telah diberikan. Justeru, pentadbiran kerajaan PH telah menetapkan polisi pemberian hadiah kepada pegawai kerajaan haruslah setimpal dengan maksud hadiah yang diberikan.

KK2 Kk3 Menolak nilai hadiah yang tidak setimpal dengan maksud hadiah itu diberi.

Kk3 Menolak nilai hadiah yang tidak setimpal menunjukkan sekumpulan leksikal yang mempunyai hubungan paradigmatik kerana maknanya saling berhubungan disebabkan kehadiran leksikal tersebut dalam konteks yang serupa, iaitu menolak sebarang pemberian cenderahati dalam medan makna KK2 Polisi Hadiah. Berdasarkan leksikal menolak sebarang pemberian hadiah, kerajaan PH amat mementingkan jati diri yang tinggi dalam menolak sebarang pemberian hadiah yang boleh dikaitkan dengan rasuah, (Malaysia Baharu, 2018). Melalui analisis medan makna, jelas menunjukkan bahawa leksem-leksem yang fitur maknanya terkait atau serupa dengan fitur leksikal dalam medan makna KK2 Polisi Hadiah adalah saling berkaitan antara satu sama lain dan kata-kata tersebut membentuk sistem leksikal yang lengkap, (Lyons, 1985).

Selain itu, Kk3 "Menolak nilai hadiah yang tidak setimpal dengan maksud hadiah itu diberi" juga melibatkan Perdana Menteri ke-7 iaitu Tun Dr Mahathir Mohamad. Oleh yang demikian, sebagai ketua kerajaan PH, Tun Dr. Mahathir turut menolak sebarang pemberian cenderahati yang boleh dijadikan sebagai isu pemberian rasuah dalam kalangan masyarakat. Hal ini disokong dengan laporan akhbar oleh Iwan Shu-Aswad Shuib (2018) yang berikut:

> "Tun Dr Mahathir Mohamad tidak akan menerima sebarang cenderahati bagi mempertahankan polisi untuk tidak menerima hadiah yang dilaksanakan kerajaan Pakatan Hariapan (PH) bagi membanteras gejala rasuah daripada terus berleluasa di negara ini", (Iwan Shu-Aswad Shuib, Mstar, 8 Jun 2018).

KK2 Kk4 Hadkan jumlah penerimaan wang- hanya boleh menerima 500 ringgit.

Kk4 Hadkan jumlah penerimaan wang- hanya boleh menerima 500 ringgit merupakan kata kunci bagi medan makna KK2 Polisi Hadiah yang menunjukkan leksikal yang berkaitan dan berhubungan secara konsepsi dari segi medan makna dengan KF2 Memperhebatkan Pembanterasan Rasuah. Dalam hal ini, wang menjadi faktor utama berlakunya jenayah rasuah dalam kalangan pegawai kerajaan. Oleh yang demikian, melalui leksikal hadkan jumlah penerimaan wang ini, kerajaan PH mengambil langkah dengan membuat polisi baharu yang mengehadkan pemberian wang kepada pegawai kerajaan supaya

amalan rasuah melalui pemberian wang dapat dikurangkan seterusnya dihapuskan. Dengan kata lain, dengan mengehadkan jumlah pemberian wang ini, PH dapat mengawal penularan dan sekali gus dapat membasmi jenyaah rasuah wang dalam kalangan pegawai kerajaan. Hal ini dibuktikan dengan laporan akhbar oleh Radzi Razak, (2019) yang berikut:

> "Semua penjawat awam termasuk Menteri, Timbalan Menteri serta Setiausaha Politik kepada Menteri di Malaysia hanya boleh menerima 500 ringgit", (Radzi Razak, Beritabenar, 14 Mei 2019).

J. Trier (1931) menjelaskan bahawa dalam bidang leksikal, seluruh rangkaian konsep atau lingkungan pemikiran adalah bersambungan dalam jangka waktu yang terbatas. Berdasarkan laporan akhbar di atas, PH di bawah pentadbiran Tun Dr. Mahathir, berusaha memastikan tiada rasuah wang dalam kalangan kakitangan kerajaan demi memastikan kerajaan PH tidak terpalit dengan kontroversi rasuah yang melibatkan penjawat awam dalam pentadbiran PH. Oleh itu, Kk4 "Hadkan jumlah penerimaan wang- hanya boleh menerima 500 ringgit" adalah berhubungan secara semantik dengan KK2 Polisi Hadiah yang mengehadkan jumlah pemberian wang ini dalam medan makna KF2 Memperhebatkan Pembanterasan Rasuah dalam kalangan penjawat awam dalam pentadbiran PH.

KK2 Kk5 Elakkan menerima hadiah dan sebarang cenderahati

KK2 Polisi Hadiah seterusnya menerbitkan 'Kk5 Elakkan menerima hadiah dan sebarang cenderahati' telah menunjukkan leksikal yang mempunyai hubungan paradigmatik di antara beberapa perkataan yang mempunyai pertalian antara satu sama lain dalam medan makna KK2 Polisi Hadiah yang menjurus kepada KF1 Memperhebatkan Pembanterasan Rasuah.

Dalam hal ini, jelas menunjukkan bahawa Tun Dr. Mahathir menolak sebarang hadiah berjenama sebaliknya beliau hanya akan memerima hadiah yang nilainya setimpal dengan perkara yang dilakukannya. Tindakan ini adalah untuk mengelakkan beliau daripada terpalit dengan kontroversi rasuah apabila menerima hadiah yang berjenama. Pendirian pemimpin PH ini disokong oleh laporan akhbar Radzi Razak (2019) seperti berikut :

> "Sesiapa hendak bagi hadiah kepada saya, saya tidak akan terima tapi boleh bagi bunga, makanan dan buah, tapi tidak lebih daripada itu", (Radzi Razak, Beritabenar, 14 Mei 2019).

Menurut Lyons (1985), analisis medan makna dengan jelas menunjukkan bahawa kata-kata dalam sistem bahasa saling berkaitan antara satu sama lain dan kata-kata tersebut membentuk medan leksikal yang lengkap. Dalam konteks ini, laporan akhbar di atas, jelaskan menunjukkan bahawa Tun Dr. Mahathir tidak akan menerima sebarang hadiah yang diberikan kepada beliau kecuali bunga. Hal ini selaras KK2 Polisi Hadiah untuk KF2 Memperhebatkan Pembanterasan Rasuah dalam kalangan penjawat awam di bawah pentadbiran kerajaan PH.

KK 3 Penakrifan

Seterusnya KK3 Penarifan membentuk lima kata kunci, iaitu Kk1 Tindakan berlandaskan undang-undang', Kk2 Membangunkan pelan khusus integriti dan anti rasuah, Kk3 Memerangi di peringkat masyarakat, Kk4 Makna diperluas dan Kk5 Memberikan definisi yang jelas, (Jadual 3). Hal ini turut disokong oleh laporan akhbar yang berikut:

Jadual 3: Kata Kunci (KK 3) Penakrifan

KK3 Kk 1	:	"Oleh yang demikian, seksyen 17A digubal bagi membolehkan syarikat yang menjalankan kegiatan rasuah dikenakan **tindakan** sewajarnya **berlandaskan undand-undang**". (Sinar Harian, 30 Mei 2019).
KK3 Kk 2	:	"**Pelan khusus itu dibangunkan** oleh pusat Governans, Integriti dan Anti Rasuah, Jabatan Perdana Menteri (GIACC) dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan lain". (Azura Abas, Nstp, 29 Januari 2019).
KK3 Kk 3	:	"Sama ada ia diambil untuk **orang lain, atau untuk organisasi atau untuk kroni** pun dianggap rasuah, jika apa yang diambil itu jatuh dalam kategori suapan dalam Akta SPRM 2009". (Faris Danial Razi, Astro awani, 9 Februari 2020).
KK3 Kk 4	:	"Masalah sekarang **suapan di sini selalunya difahami** oleh orang ramai sebagai perkara yang melibatkan pertukaran wang atau benda-benda yang berharga, nyata dan boleh dilihat dengan mata kasar bagi mendapatkan sesuatu sebagai pulangan". (Muzaffar Syah Mallow, Astro awani, 13 April 2019).
KK3 Kk 5	:	"Jika **amalan rasuah pada peringkat bawah meja**, ia masih ada harapan untuk memeranginya apabila orang ramai tidak lagi berani menawarkan rasuah secara terbuka untuk memperoleh sesuatu projek atau permohonan," (Berita Harian Online, 22 Januari 2020).

(Sumber : Teks Ucapan dalam Malaysia Baharu, 2018 dan Laporan Akhbar)

KK3 Kk 1 - Penakrifan" merupakan leksikal tindakan berlandaskan undang-undang.

Tidak dinafikan kukuhnya sesebuah negara adalah kerana kukuhnya undang-undang yang ada dalam negara tersebut. Di bawah pentadbiran PH, medan makna 'penakrifan' telah membentuk leksikal 'tindakan berlandaskan undang-undang' yang akan dikenakan kepada pemberi rasuah dan juga penerima rasuah. Tindakan ini, bagi memastikan tindakan yang adil dikenakan kepada pemberi rasauh dan tidak hanya tertumpu kepada penerima, kerana jika tiada yang memberi maka tiada yang menerima. Hal ini disokong oleh laporan akhbar yang berikut:

> Oleh yang demikian, seksyen 17A digubal bagi membolehkan syarikat yang menjalankan kegiatan rasuah dikenakan tindakan sewajarnya berlandaskan undand-undang", (Sinar Harian, 30 Mei 2019).

Konsep atau lingkungan leksikal **rasuah dikenakan tindakan sewajarnya** mempunyai hubungan sintagmatik dengan Kk1 tindakan berlandaskan undang-undang. Menurut J. Trier (1931), hubungan sintagmatik mempunyai pertalian dalam waktu yang terhad. Laporan akhbar di atas membuktikan bahawa undang-undang yang adil akan dikenakan kepada syarikat yang mengamalkan kegiatan rasuah mengikut undang-undang yang sedia ada. Oleh itu, undang-undang yang akan dikenakan adalah setimpal dengan perkara yang telah dilakukan. Rasuah merupakan amalan yang tidak beretika dan tidak bermaruah. Justeru, bagi membasmi kegiatan ini daripada berluasa, pentadbiran PH akan mengenakan tindakan berlandaskan undang-undang kepada syarikat yang mengamalkan kegiatan rasuah di negara ini.

KK3 Kk2 Membangunkan pelan khusus integriti dan antirasuah.

Dalam sesebuah negara, amalan rasuah dapat menggugat kestabilan sistem pentadbiran sesebuah kerajaan. Oleh itu, kerajaan PH mengambil langkah dengan membangunkan pelan khusus integriti dan antirasuah di negara ini. Pelan ini telah dibangunkan oleh kerajaan bagi memastikan penjawat awam dan pentadbiran kerajaan lebih berintegriti dalam menjalankan amanah yang telah diberikan untuk berkhidmat demi negara . Hal ini, disokong oleh laporan akhbar seperti berikut :

> Pelan khusus itu dibangunkan oleh pusat Governans, Integriti dan Anti Rasuah, Jabatan Perdana Menteri (GIACC) dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan lain", (Azura Abas, Nstp, 29 Januari 2019).

Berdasarkan laporan akhbar di atas, pelan yang khusus dibangungkan memperlihatkan hubungan sintagmatik Kk1 tindakan berlandaskan undang-undang dengan agensi-agensi kerajaan bagi memastikan setiap agensi kerajaan dapat memahami pelan khusus yang dibangunkan ini untuk tujuan membasmi kegiatan rasuah dalam pentadbiran kerajaan. Penglibatan agensi-agensi kerajaan ini dalam menyediakan pelan khusus ini amat penting untuk memastikan agenda kerajaan dapat disampaikan melalui pelan khusus ini kepada penjawat awam dan pentadbiran kerajaan.

KK3 Kk3 Memerangi di peringkat masyarakat

Amalan rasuah bukan sahaja terjadi di peringkat pegawai tertinggi kerajaan, malahan masyarakat juga terdedah dengan amalan rasuah. Berdasarkan medan makna KK3 'Penakrifan' amalan rasuah didapati turut berlaku dalam kalangan pegawai tinggi kerajaan dan juga dalam kalangan masyarakat. Justeru wujud serangkaian konsep dan leksikal yang memperlihatkan lingkungan pemikiran yang bersambungan dalam jangka waktu yang terbatas, (J. Trier, 1934). Hal ini terdapat dalam laporan akhbar yang berikut:

> "Jika amalan rasuah pada peringkat bawah meja, ia masih ada harapan untuk memeranginya apabila orang ramai tidak lagi berani menawarkan rasuah secara terbuka untuk memperoleh sesuatu projek atau permohonan", (Berita Harian Online, 22 Januari 2020).

Laporan akhbar di atas jelas menunjukkan bahawa jika tindakan undang-undang yang keras dikenakan kepada pegawai tertinggi kerajaan maka masyarakat tidak akan berani untuk melakukan amalan rasuah ini. Pendek kata, tindakan yang diambil oleh kerajaan PH terhadap pegawai tertinggi kerajaan akan memberi impak yang besar kepada masyarakat. Hal ini memperlihatkan usaha kerajaan PH yang berusaha untuk mengatasi amalan rasuah dalam kalangan masyarakat berdasarkan tindakan yang diambil terhadap pegawai tertinggi kerajaan. Dengan kata lain, usaha kerajaan PH ini menjadi 'peringatan' kepada masyarakat supaya tidak mengamalkan amalan rasuah ini.

KK3 Kk4 "Penakrifan" membentuk medan makna 'Makna diperluas'.

Leksem yang membentuk 'Kk4 Makna diperluas' dari segi medan makna memperlihatkan hubungan leksikal secara sintagmatik dengan KK3 "Penakrifan" yang mempunyai kaitan secara semantik dalam sistem bahasa (Ferdinand de Saussure, 1974) untuk KF2 Memperhebatkan Pembanterasan Rasuah.

Berdasarkan 'Kk4 Makna diperluas', kerajaan PH mengambil langkah dengan meluaskan makna 'rasuah' supaya masyarakat lebih memahami rasuah dalam kontek yang lebih besar, yakni tidak hanya tertumpu kepada makna memberi dan menerima wang sahaja. Perluasan makna ini amat penting dalam memastikan amalan rasuah ini akan mudah difahami oleh masyarakat. Hal ini dijelaskan dalam contoh laporan akhbar yang berikut :

> Masalah sekarang suapan (rasuah) di sini selalunya difahami oleh orang ramai sebagai perkara yang melibatkan pertukaran wang atau benda-benda yang berharga, nyata dan boleh dilihat dengan mata kasar bagi mendapatkan sesuatu sebagai pulangan", (Muzaffar Syah Mallow, Astro awani, 13 April 2019).

Berdasarkan laporan akhbar di atas makna rasuah yang difahami oleh kebanyakan masyarakat adalah terhad kepada pemberian wang sahaja. Justeru di bawah pentadbiran PH, makna rasuah telah diperluaskan dalam konteks yang lebih besar, iaitu bukan sahaja wang malahan benda-benda yang berharga juga merupakan rasuah. Usaha kerajaan PH ini adalah untuk meningkatkan fahaman masyarakat terhadap maksud amalan rasuah.

KK3 Kk5 "Penakrifan" membentuk medan makna Memberikan definisi yang jelas.

Penerangan makna Kk5 "Penakrifan" perlulah mempunyai maksud yang jelas tentang amalan rasuah. Definisi yang jelas amat penting bagi memastikan maksud yang tersurat dan tersirat di sebalik maksud suatu perkataan itu untuk mudah difahami, (Syamsidah Saad & Raja Masittah Raja Ariffin, (2014). Oleh itu, kerajaan PH berusaha memberikan definisi yang jelas tentang 'amalan rasuah' kepada masyarakat sekali gus bagi memastikan definisi ini dapat diterima dan diguna pakai dalam kehidupan. Selain itu, definisi ini juga akan meningkatkan kefahaman masyarakat untuk lebih memahami dan mengetahui tentang amalan rasuah yang ingin disampaikan oleh kerajaan kepada masyarakat. Hal ini dibuktikan dengan laporan akhbar oleh Faris Danial Razi yang berikut :

> "Sama ada ia diambil untuk orang lain, atau untuk organisasi atau untuk kroni pun dianggap rasuah, jika apa yang diambil itu jatuh dalam kategori suapan dalam Akta SPRM 2009", (Faris Danial Razi, Astro awani, 9 Februari 2020).

Leksem-leksem yang fitur maknanya terkait atau serupa dengan fitur medan makna Kk5 "Penakrifan" jelas menunjukkan bahawa kata-kata dalam sistem bahasa saling berkaitan antara satu sama lain dan kata-kata tersebut membentuk sistem leksikal yang lengkap, (Lyons, 1985). Laporan akhbar di atas, menunjukkan amalan rasuah bukan sahaja diterima oleh penerima secara langsung bahkan oleh orang ketiga yang menerimanya. Keadaan ini sering berlaku dalam kalangan pegawai tertinggi kerajaan yang menggunakan pihak ketiga untuk mengaburi pandangan orang lain, (Martadha Mohamed, 2020, bhrencana@bh.com.my November 23). Justeru, kerajaan PH telah mengambil langkah dalam menjelaskan definisi amalan rasuah dengan lebih jelas kepada masyarakat bagi memastikan maksud rasuah dapat difahami. Jesteru, leksikal Kk5 "Penakrifan" ini telah membentuk medan makna untuk KF2 'Pembanterasan rasuah' dalam ungkapan "Malaysia Baharu" .

Rumusan

KF2 Memperhebatkan Pembanterasan Rasuah sesuai dengan tema 'Membina ketamadunan berperadaban tinggi' dalam ungkapan "Malaysia Baharu" 2018 telah membentuk tiga KK, iaitu KK1 Gerakan Antirasuah, KK2 Polisi Hadiah dan KK3 Penakrifan. Ketiga-tiga KK ini adalah selaras dengan Petikan 1, "Malaysia Baharu" adalah hasil daripada usaha untuk membaiki apa-apa yang telah rosak di negara ini dan untuk mengulangi lagi kejayaan dan pencapaian negara yang membanggakan yang pernah dicapai sebelum ini (Fokus Malaysia Baharu, 2018); Petikan 2, "Dalam Malaysia Baharu ini, kerajaan komited untuk memastikan setiap daripada rakyat Malaysia akan menikmati kemakmuran dan kekayaan negara dengan perkongsian dan pembahagian yang saksama (Fokus Malaysia Baharu, 2018)"; dan Petikan 3, "Rakyat mahukan satu Malaysia Baharu yang menjunjung prinsip-prinsip keadilan, yang mempunyai tadbir urus yang baik dan berintegriti serta menyanjung tinggi konsep kedaulatan undang-undang", (Fokus Malaysia Baharu, 2018)"

Implikasi Dapatan kajian

KF2 Memperhebatkan pembanterasan rasuah memperlihatkan usaha kerajaan PH untuk membanteraskan gejala rasuah melalui KK1 Gerakan Antirasuah, KK2 Polisi Hadiah dan KK3 Penakrifan. Melalui KK1 Gerakan Antirasuah, kerajaan meneruskan gerakan memerangi rasuah dengan membentuk budaya kerja berteraskan governans dan integriti. Hal ini dijangka dapat membersihkan pentadbiran yang korup bagi meningkatkan keyakinan pihak masyarakat dan

antarabangsa. Seterusnya melalui KK2 Polisi Hadiah, kerajaan menjelaskan maksud Polisi Hadiah bagi meningka kefahaman pegawai kerajaan dan masyarakat tentang 'konsep hadiah dan cenderahati' yang dibenarkan dalam usaha memerangi rasuah. Usaha kerajaan dilaksanakan seiring dengan KK3 Penarifan, iaitu mengambil tindakan berlandaskan undang-undang, membangunkan pelan khusus integriti dan antirasuah dalam usaha memerangi rasuah dalam kalangan pegawai kerajaan dan masyarakat di negara ini melalui gagasan 'Malaysia Baharu'

5. Kesimpulan

Medan makna KF2 Memperhebatkan Pembanterasan Rasuah menepati tema 'Membina ketamadunan berperadaban tinggi' dalam ungkapan "Malaysia Baharu" 2018. Hal ini adalah usaha kerajaan PH untuk membaiki apa-apa yang telah rosak di negara ini dan untuk mengulangi lagi kejayaan dan pencapaian negara yang membanggakan yang pernah dicapai sebelum ini (Fokus Malaysia Baharu, 2018).

Dapatan kajian ini juga berhasil memperlihatkan leksikal yang membentuk medan makna KF2 Memperhebatkan Pembanterasan Rasuah dalam ungkapan "Malaysia Baharu" 2018 menggunakan teori medan makna Trier (1931). Di samping itu, pengkaji juga mendapati dengan menggunakan teori medan makna Trier (1931), penanda leksikal yang terhasil daripada setiap kata kunci yang mengelilingi KF2 Memperhebatkan Pembanterasan Rasuah dapat memperlihatkan seluruh rangkaian konsep atau lingkungan pemikiran yang bersambungan dalam jangka waktu yang terbatas untuk konsep "Malaysia Baharu" 2018.

Bibliografi

Brown, D. (2007), Principles of Language Learning and Teaching, Pearson education, Inc.

Changhong, G. (2010), The application of the semantic field theory in college English vocabulary instruction, Chinese journal of applied linguistics, volume 33, pp. 50-62.

Channel, J. (1981), Applying semantic theory to vocabulary teaching, English Language Teaching, volume 35, pp. 115-122.

Chua Yan Piaw, 2006. *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur. McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.

Chunming Gao & Bin Xu, (2013). The Application of Semantic Field Theory to English Vocabulary Learning. *Theory and Practice in Language Studies*, Vol. 3, No. 11, pp. 2030-2035, November 2013

Creswell, J.W, 2014. *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methode Approaches* (4th.ed) London. Sage Publication.

Creswell, J.W. 2003. Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Method Approaches. Ed. Ke 2. Thousand Oaks. Sage.

Crow, J. & Quigley J. R. (1985), A semantic field approach to passive vocabulary acquisition for reading comprehension, TESOL, volume 19, pp. 497-513.

Hulstijn, J. H., Hollander, M. and Greidanus, T. (1996), Incidental vocabulary learning by advanced foreign language students: the influence of marginal glosses, dictionary use, and reoccurrence of unknown words, TheModern LanguageJournal, volume 80, pp.327-339.

Hurford, J. R., Heasley, B. & Smith, M. B. (2007). Semantics: A course book (2nd Ed.). Cambridge: Cambridge University Press.

Ipsen, G. 1924. "Der alte Orient und die Indogermanen" [in:] Friedrich, J. (ed.). Stand und Aufgaben der Sprachwissenschaft. Festschrift für Streitberg. pp. 200–237. Heidelberg: Winter

Irwan & Mulyadi (2017) Analisis Medan Makna 'Seni Bela Diri Khas Jepang' Dalam Huruf Kanji Bu (武). Izumi. Volume 6, No 2, (31-49)

Isnariah Idris (2017) Medan semantik hati budi Melayu berdasarkan warkah Melayu lama. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Putra Malaysia.

Izutsu, Toshihiko. (1964). God and Man in the Qur'an. Tokyo: Keio University

Krippendorff, K. (2004). Reliability in content analysis.Human Communication Research, 30, 411–433.

Laufer, B., and Hulstijn, J. (200), Incidental vocabulary acquisition in a second language: The construct of task-induced involvement, Applied Linguistics, volume 22, pp. 1-26.

Lehrer, A. (1985), The influence of semantic fields on semantic change. In: J. Fisiak (ed.), Historical Semantic, Historical Word formation. BERLIN: Walter de Gruyter and Co. pp. 283-296.

Kleparski, G. A., and Rusinek, A. (2007), The tradition of field theory and the study of lexical semantic change, Zeszyt, volume 47, pp. 187-205.

Lexical Semantics (2017, November). English Language and Linguistics Online.

Retrieved from http://www.ello.uos.de/field.php/Semantics/SemanticsLexicalfield
Lyons, J. 1977. Semantics. vol. 1. Cambridge. Cambridge University Press.
Lyons, John. (1968). Introduction to Theoretical Linguistics. Cambridge: Cambridge University Press.
Martadha Mohamed, (2020). Bantu SPRM sifarkan rasuah. Diakses bhrencana@bh.com.my November 23 dari https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/11/757223/bantu-sprm-sifarkan-rasuah
Mat Taib Pa (2016) Konsep Makna dan Jenisnya Jurnal Kesidang. Jilid 1 (1-19)
Monaliza Sarbini-Zin & Muhammad Nurikhwan Lokman. (2019) Perlanggaran Maksim Kerjasama (Kualiti Dan Kuantiti) Dalam Ucapan Bajet Tahunan Dato' Sri Najib Razak: Sebuah Kajian Pragmatik. Asian People Journal (APJ) Volume 2, Issue 1 (95-105)
Nordquist, R. (2017). "Semantic Field Definition." ThoughtCo, Apr. 25, 2017, Retrieved from https://www.thoughtco.com/semantic-field-1692079
Nordquist, R. (2017). "What is Semantic Field Analysis?" ThoughtCo, Sep. 11, 2017 Retrieved from https://www.thoughtco.com/semantic-field-analysis-1691935
Norfarhana Ahmad Ghafar et al. (2016). Kajian Teori Medan Makna Dalam Kalangan Sarjana-Sarjana Islam. Al-Qanatir International Journal of Islamic Studies. Vol. 4. No. 2 (24-35)
Nurul Hamiza Nodzari (2012) Kajian Teks Sifat Beradab Dari Perspektif Pendidikan menurut Al-imam Al-nawawi Dalam Kitab Riyad Al-salihin. Tesis Bacelor, Universiti Teknologi Malaysia.
Porzig, W. 1928. "Sprachform und Bedeutung. Eine Auseinandersetzung mit A. Martys Sprachphilosophie" [in:] Indogermanisches Jahrbuch, xii, pp. 1–20.
Porzig, W. 1934. "Wesenhafte Bedeutungsbeziehungen" [in:] PBB, lviii, pp. 70–97.
Syakirah Abdul Rahman, (2016). Prosodi 'perkhidmatan' amanat ketua setiausaha negara. Proceedings of the ICECRS, 1 (1). pp. 789-798. ISSN 2548-6160
Syamsidah Saad & Raja Masittah Raja Ariffin. (2014). Makna Tersurat dan Tersirat dalam Iklan di Radio Berdasarkan Teori Imej. International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL). Vol 01. ms 65–75
Syed Muhammad Naguib al-Attas (1970). The Mysticism of Hamzah Fansuri. Kuala Lumpur: University of Malaya Press .
Trier, J. (1931). Der Deutsche Wortschatz im Sinnbezirk des Verstandes. Heidelberg
Trier, J. (1934), 'Das Sprachliche Feld. Eine Auseinandersetzung' - Neve JahrbUcher fur Wissenschaft und Jungenbildun g, Vol. 10, pp. 428-49.
Ungkapan "Malaysia Baharu" (https://www.pmo.gov.my/dokumenattached/Artikel/MalaysiaBaharu.pdf
Wong Shia Ho (2014). Makna penutur dalam ayat teks ucapan Tunku Abdul Rahman: Satu Analisis Teori Relevans. Jurnal PENDETA . Jilid 5 (207-239).

Biodata Penulis

Mohammad Habibi Saleh merupakan pelajar sarjana di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi.

Zaitul Azma Zainon Hamzah berkelulusan Doktor Falsafah dalam bidang bahasa Melayu dari Universiti Putra Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah semantik dan pragmatik, penelitian kualitatif dalam kajian bahasa dan pendidikan awal kanak-kanak.

Rozita Che Rodi merupakan pensyarah di Jabatan Bahsa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.